

Peranan Proton dalam Dasar Automotif Nasional dijamin

UM : Khamis 21/6/2007

KUALA LUMPUR 20 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan memastikan pengeluar kereta tempatan, Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) terus berperanan dalam Dasar Automotif Nasional walaupun jika gagal mendapat pelaburan daripada syarikat asing.

Perdana Menteri berkata, dalam hal ini, para pemegang saham Proton akan mengambil langkah-langkah dan pertimba-

ngan sewajarnya jika rundingan dengan Volkswagen AG menemui kegagalan.

Menurut beliau, buat masa ini rundingan dengan syarikat automotif dari Jerman itu berjalan lancar di Bangkok, Thailand.

“Rundingan sedang berjalan lancar dan tiada halangan dan sekatan bagi kedua-dua pihak (Proton dan Volkswagen) meneruskan rundingan,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam jawapan bertulisnya kepada soalan **Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh)**.

Rundingan antara para pemegang saham Proton termasuk kerajaan, dengan Volkswagen serta General Motors telah diaktifkan kembali selepas ketiadaan kata putus pada Mac 2007.

Perbincangan semula itu telah dimulakan di New York, Amerika Syarikat pada

awal Jun 2007 diikuti dengan rundingan susulan di Bangkok.

Abdullah berkata, dalam memulihkan semula perniagaannya, Proton akan melaksanakan satu inisiatif bersepadu di bawah Rancangan Pemulihan Semula Perniagaan.

“Rancangan itu meliputi jualan dan pemasaran, kecekapan dalam proses pengeluaran, perolehan, kualiti dan pengurangan kos,” kata Perdana Menteri.